

**Pemimpin DAP 'orang gila dalam politik', kata Soi Lek
Malaysian Insider
23 Ogos, 2012
Oleh Hafidz Baharom**

PETALING JAYA, 23 Ogos — Presiden MCA, Datuk Seri Chua Soi Lek, hari ini memanggil ahli dewan undangan negeri (Adun) DAP, M. Manoharan, sebagai "orang gila dalam politik" kerana mengkritik prestasi Datuk Lee Chong Wei ketika di Sukan Olimpik.

Dr Chua berkata dalam ucapannya semasa menyampaikan cek The Star kepada pemenang pingat Sukan Olimpik Lee dan penerjun negara Pandalela Rinong Pamg yang bernilai RM100,000 setiap seorang di Menara The Star hari ini.

Lee tewas dalam Olimpik di tempat kedua ke atas pemain badminton China, Lin Dan, dalam perlawanan akhir selepas bertungkus lumus dan dia dianggap wira negara walaupun tewas.

"Ada sesetengah ahli politik yang 'gila politik', yang meremehkan pencapaian Datuk Lee dan memuji lawannya," kata Dr Chua.

"Dia memohon maaf kemudiannya, tetapi itu tidak bermakna lagi," kata beliau.

Dr Chua merujuk kepada kenyataan Adun Kota Alam Shah itu mengkritik Lee dan mengaitkan dengan kekalahan itu dengan pemerintahan Barisan Nasional (BN) yang mengundang kritikan orang ramai.

"Malaysia will win its first GOLD Medal in Olympics after Pakatan takes over Putrajaya (Malaysia akan menang EMAS pertama Olimpik selepas Pakatan mengambil alih Putrajaya)," mengikut tweet yang dihantar oleh Manoharan.

"Najib, whatever monetary reward promised for Chong Wei, please give it to the poor boy Lin Dan (Najib, apa jua imbuhan wang yang dijanjikan pada Chong Wei, sila berikan kepada Lin Dan yang miskin ini).

"LIN DAN wins. He played better than Lee Chong AWAY (LIN DAN menang. Dia jauh lebih baik dari Lee Chong Wei)."

Hakcipta © 2012 The Malaysian Insider

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/pemimpin-dap-orang-gila-dalam-politik-kata-soi-lek/>